

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]
TARIKH : 2.4.2014
SOALAN :

Y.B. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk menaiktarafkan kemudahan pembelajaran sekolah-sekolah di kawasan luar bandar di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak dapat dinafikan, kemudahan pembelajaran yang lengkap dan sempurna di sekolah merupakan antara faktor menyumbang kepada penyediaan peluang yang lebih baik untuk murid belajar. Dalam konteks ini, Kementerian memberi keluwesan yang cukup untuk menyesuaikan kemudahan dan peralatan dengan keperluan setempat terutamanya bagi sekolah-sekolah di luar bandar. Antara usaha yang telah diambil adalah:

- a. Memastikan semua sekolah mempunyai tahap infrastruktur minimum yang boleh diterima, disesuaikan dengan keperluan sekolah tersebut secara berkesan kos;
- b. Melakukan penyelenggaraan segera bagi sekolah yang mempunyai keperluan kritikal untuk pembaikan;

- c. Sentiasa menaik taraf kemudahan pembelajaran dan peralatan di semua sekolah bagi menyokong keperluan pembelajaran murid yang akan berubah mengikut masa.

Bagi pelaksanaan tahun 2014, sebanyak 24 buah projek merangkumi projek pembinaan baru, gantian penuh dan ubah suai naik taraf bangunan sekolah-sekolah di Sabah telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam *Rolling Plan*. Di bawah RMKe-10, sehingga kini, sebanyak 715 projek-projek pembangunan fizikal institusi pelajaran di Sabah telah disiapkan manakala sebanyak 155 buah projek pula sedang dalam pembinaan.